

Dunia yakin Malaysia mampu jaga keamanan sejagat

KUALA LUMPUR - Dunia luar yakin dengan kemampuan Malaysia memainkan peranan dalam menjaga keamanan sejagat.

Ketua Pengarah Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), Yves Daccord berkata, kejayaan Malaysia memenangi kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi penggal 2015 hingga 2016 merupakan permulaan kepada peranan Malaysia men-

jadi orang tengah antara negara bergolak.

"Saya lihat undian daripada negara anggota PBB bagi Malaysia begitu tinggi. Jelas sekali mereka mengakui peranan Malaysia sebagai sebuah negara yang sering membantu negara-negara yang mengalami masalah kemanusiaan.

"Lihat sahaja di Syria apabila berlaku perang yang mengakibatkan berlakunya kecederaan terhadap orang awam, Malaysia

menjadi antara negara terawal menghulurkan bantuan," katanya ketika ditemui pada Siri Syarahan Perdana Sultan Nazrin Shah 2014 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut mencemari menghadiri majlis tersebut.

Daccord berkata, keyakinan terhadap keupayaan Malaysia jelas apabila negara ini menjadi Pengerusi Asean pada tahun hadapan.

Menurutnya, Gerakan Kesederhanaan Global yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat berjaya menarik perhatian dunia membenarkan Malaysia menduduki kerusi Majlis Keselamatan PBB.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, Malaysia sentiasa berada pada barisan hadapan dalam menyediakan bantuan kemanusiaan kepada negara yang me-

merlukan tanpa mengira bangsa.

"Bantuan yang disalurkan oleh kita biasanya dalam bentuk sumbangan kewangan secara langsung dan perubatan.

"Saya turut memuji usaha Mercy Malaysia kerana sentiasa bersedia sedia menghadapi sebarang cabaran semasa menghulurkan bantuan," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pengarah IDFR, Datuk Md Hussin Nayan, semalam.